

Rosmah Kunjungi Isteri Perdana Menteri Perancis

Bernamea

Jun 6, 2014

PARIS, 6 Jun (Bernama) -- Isteri Perdana Menteri Malaysia, Datin Seri Rosmah Mansor pada Khamis mengunjungi isteri Perdana Menteri Perancis, Anne Gravoin Valls di kediaman rasminya di Hotel Matignon, di sini.

Rosmah turut diiringi Penasihat Khas Permata di Jabatan Perdana Menteri Prof Tan Sri Sharifah Hapsah Syed Hassan Shahabuddin and isteri Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datin Seri Khamarzan Ahmed Meah.

Dalam pertemuan itu, Rosmah berkata mereka berbincang dan berkongsi pandangan mengenai pelbagai isu wanita dan kanak-kanak serta trend peningkatan autisme di peringkat global.

"Gravoin telah menunjukkan minat berkenaan Malaysia dan program-program yang kita adakan terutamanya untuk kanak-kanak dan wanita.

"Sehubungan itu, Saya telah menjemput beliau membuat lawatan ke Malaysia," katanya kepada wartawan Malaysia selepas mengakhiri lawatan tiga hari di sini.

Rosmah berada di sini bagi menghadiri Persidangan Wanita Antabangsa 2014 bertemakan "Women: Redesigning Economies, Societies".

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1044098>